

SKS Ventures timbang pindah loji

BH 17 JUL 2001

SKS Ventures Sdn Bhd (SKS Ventures) sedang menimbang untuk memindahkan loji jana kuasanya berharga RM6 bilion yang masih belum dibina di Pulau Bunting, Kedah, ke negeri lain.

Pengerusi SKS Ventures, Datuk Hilmi Mohd Nor berkata, cadangan pemindahan loji jana kuasa dengan bahan api arang baru itu dibuat berikutan kos tebus guna tanah yang tinggi.

Katanya, pasir bagi kerja tebus guna tapak loji itu, yang membabitkan kawasan seluas 800 hektar, kini dijangka lebih mahal daripada anggaran asal di bawah rancangan perniagaan projek Pulau Bunting.

SKS Ventures semalam memeterai perjanjian awal kontrak dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Loji janakuasanya akan mempunyai kemampuan muktamad berjumlah 3x700 megawatt (MW) dan unit penghantaran tenaga pertamanya dijangka mula beroperasi pada tahun 2006.

Menurut laporan terdahulu, Johor adalah salah sebuah negeri yang mungkin dipilih oleh SKS Ventures untuk menempatkan loji jana kuasa yang akan dipindahkan itu.

Sementara itu, dalam sidang akhbar berasingan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan masih belum diberitahu secara rasmi tentang cadangan SKS Ventures untuk memindahkan loji janakuasanya itu.

Pulau Bunting ialah sebahagian daripada projek besar tebus guna pantai berharga RM30 bilion di Kedah.